Dua hari lagi tempoh pembersihan Sungai Kim Kim sebelum hujan dijangka Selasa ini

Bomba kesan wujud gas sianida

KOSMO 12/03/2019 (M/S) 08

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

Bencana udara beracun di Johor meruncing

KERATAN Kosmo! 14 Mac 2019

PASIR GUDANG – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysua (JBPM) mengesahkan terdapat kewujudan gas sianida sebanyak 4.5 partikel per sejuta (PPM) di kawasan Tanjung Puteri berdekatan dengan Sungai Kim Kim.

Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahya Madis berkata, ia adalah bacaan gas kimia tertinggi dikesan susulan pencemaran sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim sejak 7 Mac lalu.

Katanya, bacaan gas beracun berkenaan bertahan selama dua jam di kawasan itu sebelum pulih seperti biasa.

"Kita kesan terdapat 15 gas kimia berbahaya, bagaimanapun bacaan berada di bawah 3 ppm iaitu paras berjaga-jaga.

"Bacaan gas kimia berbahaya paling tinggi dicatatkan Rabu lalu di kawasan Tanjung Puteri dengan kehadiran gas hidrogen sianida sehingga 4.5 ppm di situ," katanya pada sidang akhbar di Pusat Operasi Bomba dan Penyelamat di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini semalam.

Yahya menambah, bacaan udara masih dilakukan ketika kerja pembersihan Sungai Kim Kim dijalankan kerana bimbang pengewapan gas kimia berbahaya.

"Hujan mampu menyebabkan gas kimia berbahaya merebak dan bergerak ke kawasan lebih luas. Kita mengharapkan kerja pembersihan dapat diselesaikan segera sebelum perubahan cuaca," jelasnya.

Menurut Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, pasukan pembersihan mempunyai tempoh singkat iaitu dua hari sahaja lagi untuk memastikan proses pembersihan Sungai Kim Kim dapat diselesaikan tepat pada masanya.

Ini berikutan hujan diramalkan turun pada Selasa ini yang dibimbangi boleh membantutkan usaha pembersihan sungai berkenaan, sekali gus menjadikan pencemaran di sungai itu lebih teruk.

Sementara itu, Pakar Psikologi Klinikal Mercy Malaysia, Dr. Azlina Roszy Mohd. Gaffar berkata, kira-kira 70 hingga 90 peratus kes orang awam menerima rawatan di Medic Base Stadium MPPG didapati berpunca daripada panik berikutan banyak khabar angin dan berita tidak benar tersebar mengenai kes pencemaran sisa kimia.

ANGGOTA Unit Peninjau Bahan Kimia Biologi, Radiologi dan Nuklear (CBRN) menggunakan ChemPro dan Leightweight Chemical Detector untuk mengesan kehadiran kimia di Pasir Gudang semalam.

INFO Sianida

- Dikenali hidrogen sianida
- Gas berbahaya tidak berwarna serta sukar dikesan
- Digunakan dalam penghasilan serat akrilik, getah tiruan serta plastik
- Digunakan tentera Jerman sebagai senjata pembunuhan besar-besaran dalam Perang Dunia Ke-2
- Terkandung di dalam asap rokok serta hasil pembakaran bahan sintetik seperti plastik
- Dalam bidang perkilangan, sianida digunakan untuk penghasilan kertas, tekstil dan plastik
- Di dalam racun haiwan perosak seperti tikus, lipas dan binatang parasit

Kesan pendedahan terhadap sianida

- Sianida menyekat sel dalam badan manusia daripada mendapat oksigen
- Hati dan otak manusia lebih terdedah kepada bahaya sianida kerana organ berkenaan memerlukan oksigen yang banyak
- Pendedahan kepada sianida dalam konsentrasi yang rendah mengakibatkan pening, sakit kepala, mual serta muntah, pernafasan dan degupan jantung menjadi laju serta lemah badan
- Pendedahan kepada sianida dalam konsentrasi yang tinggi boleh mengakibatkan sawan, pengsan, tekanan darah rendah dan kegagalan sistem pernafasan yang mengakibatkan kematian

Sumber - *https://emergency.cdc.gov/agent/cyanide/basics/facts.asp*